

08 MAY 2003

PM-PELABUHAN/I

PM: K'JAAN MASIH KAJI CAJ BINTULU PORT KE ATAS KAPAL LNG MISC

Oleh: Frankie Liang Labang

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih lagi meneliti cadangan mengkaji semula dakwaan caj pelabuhan yang tinggi terhadap kapal tangki gas asli cecair (LNG) yang dimiliki oleh Petronas di Pelabuhan Bintulu dan pengumuman mengenainya akan dibuat tidak lama lagi.

"Bagi Petronas, ia mungkin tinggi tetapi bagi kerajaan, ia agak murah," kata beliau pada persidangan akhbar selepas perasmian Kompleks Bersepadu Petronas berharga RM16.6 bilion di sini.

Kompleks LNG itu menempatkan loji-loji Malaysia LNG 1, Malaysia LNG 2 dan Malaysia LNG 3 sementara Bintulu Port pula dimiliki secara majoriti oleh kerajaan.

Petronas baru-baru ini mendedahkan caj yang agak tinggi dikenakan oleh Bintulu Port ke atas kapal-kapal tangki LNG yang dimiliki oleh Malaysian International Shipping Corporation (MISC).

MISC, anak syarikat Petronas, perlu membayar Bintulu Port kira-kira RM800,000 bagi satu kapal yang keluar dari pelabuhannya dan ini merupakan separuh daripada jumlah jika dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan di Jepun. Syarikat-syarikat utiliti Jepun merupakan pembeli utama LNG Malaysia.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican pernah mengatakan perlunya eksport LNG Malaysia kompetitif dari segi kos dalam semua aspek.

"Tetapi terpulanglah kepada pemegang saham Bintulu Port memikirkannya," kata perdana menteri ketika mengulas mengenai respon Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berhubung caj Bintulu Port yang mengatakan kerajaan bersedia untuk mengkaji semula caj-caj berkenaan.

"Banyak perkara yang perlu dikaji semula. Ada yang kita boleh beri, ada yang kita tidak dapat beri," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

FLL MR SHY AA